



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KESELAMATAN DAN KESEJAHTERAAN WANITA AGENDA UTAMA KPWKM

KUALA TERENGGANU, 18 FEBRUARI - YBhg. Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini telah merasmikan Sambutan Hari Wanita Antarabangsa peringkat zon Timur di Ar-Riyadah Residence, Kuala Terengganu.

Sambutan ini diperluaskan mengikut zon bagi menggalakkan lebih ramai wanita mendapat maklumat dan pendedahan berkaitan program dan inisiatif pemerkasaan wanita yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan, Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

YBhg. Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, dalam ucapannya berkata bahawa peranan yang dimainkan oleh golongan wanita amat penting sebagai agen perubahan dan pembina legasi dalam membentuk masyarakat yang holistik.

KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) sentiasa giat melaksanakan pelbagai usaha advokasi sepanjang tahun bagi memberi kefahaman dan kesedaran kepada masyarakat bagi mengekang isu seperti keganasan rumah tangga dan gangguan seksual yang sering mengancam keselamatan dan kesejahteraan wanita di Malaysia.

Berdasarkan statistik (Januari hingga Disember 2024), sebanyak 1,625 kes keganasan terhadap wanita dan 51 kes gangguan seksual telah dicatatkan di Pantai Timur. Dalam konteks ini, KPWKM memandang serius tentang keselamatan dan hak wanita dan mahukan sokongan semua pihak agar jumlah kes-kes ini dapat dikurangkan dari semasa ke semasa.

KPWKM melalui JPW telah mengadakan tinjauan selidik awam dan hasil tinjauan itu menunjukkan bahawa 89.2% responden bersetuju supaya keselamatan dan hak wanita harus diberikan perhatian dalam pengemaskinian Dasar Wanita Negara sedia ada dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita Tahun 2025-2030.

Selari dengan tema sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2025 yang ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), iaitu *For ALL women and girls: Rights. Equality. Empowerment*, sambutan Hari Wanita Antarabangsa yang dilaksanakan diseluruh negara mengikut zon bertujuan menyebarluaskan maklumat bagi memperkasakan wanita, meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan kesaksamaan gender dalam kalangan masyarakat setempat dan menggalakkan sinergi antara pelbagai pihak berkepentingan.

Sambutan Hari Wanita Antarabangsa Zon Timur ini bukan sahaja bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada pencapaian wanita, tetapi juga menjadi ruang bagi wanita berkongsi pengalaman, cabaran dan inspirasi dalam usaha mereka untuk menggapai kejayaan disamping memastikan bahawa prinsip kesaksamaan gender dan hak asasi manusia akan terus ditegakkan.

Turut hadir Ketua Pengarah JPW, Puan Hanani Sapit dan pegawai-pegawai kanan Kementerian, Jabatan dan Agensi KPWKM.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
18 FEBRUARI 2025**